

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	12 JUNE 2017

Pelaksanaan Rumah Mesra Felda progresif - Najib

um- 12/6/2017
pg. 3

KUALA LUMPUR 11 Jun - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, inisiatif kerajaan membina Rumah Mesra Felda telah mencapai kemajuan pelaksanaan progresif sekali gus memberi kesan positif kepada warga Felda.

Perdana Menteri berkata, sejumlah 1,084 unit rumah telah siap dibina setakat ini manakala 206 lagi dalam pembinaan.

Menurut beliau, kerajaan telah membuat perancangan untuk

membina sebanyak 20,000 rumah di kawasan terpilih iaitu di 10 wilayah Felda.

“Kerajaan menyediakan pelbagai bantuan kewangan di bawah program ini, antaranya subsidi pembinaan sebanyak RM20,000 seunit, yuran pengurusan, subsidi cukai barang dan perkhidmatan (GST) sebanyak enam peratus dan subsidi keuntungan bank.

“Alhamdulillah setakat ini, kita telah mencapai kemajuan yang

progresif dan memberi kesan positif kepada warga Felda,” katanya menerusi blog beliau, *najibrazak.com*, hari ini.

Semalam, Perdana Menteri mengadakan lawatan ke Kulai, Johor untuk berjumpa dengan warga tanah rancangan berkenaan dan melihat sendiri kemajuan pelaksanaan Rumah Mesra Rakyat Felda itu.

Beliau mengulangi jaminan kerajaan bahawa kebajikan dan

masa depan warga Felda sentiasa diberi perhatian dan tidak akan diabaikan.

Semasa lawatan ke Kulai itu, Perdana Menteri sempat meluangkan masa bersama salah seorang daripada penerima manfaat program tersebut iaitu Azman Ahmad, 52, yang merupakan seorang penyelia pembinaan dan isterinya, Zailina Mohamad, 41, pula merupakan pekerja kilang.